

10 APR 2000

G77-Mesyuarat

SYED HAMID AKAN SERTAI RAKAN SEJAWATNYA PADA SIDANG KEMUNCAK G77

Oleh: E.Sivabalan

HAVANA, 10 April (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dijadual tiba di sini pada hari Isnin untuk menyertai rakan sejawatannya daripada Kumpulan 77 (G-77) negara membangun untuk menggariskan asas bagi sidang kemuncak pertama kumpulan itu mulai hari Rabu.

Menteri-menteri luar dijadual bermesyuarat pada hari Selasa bagi membincangkan cadangan-cadangan para pegawai kanan yang akan memulakan mesyuaratnya lewat hari ini.

Para pegawai berkenaan akan membincangkan program bertindak G-77 dan menyediakan draf deklarasi Sidang Kemuncak itu.

Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Datuk Hasmy Agam akan mewakili negara pada mesyuarat peringkat pegawai kanan itu.

Para menteri berkenaan akan turut menyertai apa yang dipanggil "dialog interaktif" mengenai peranan PBB pada abad ke-21.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara 65 pemimpin yang mengesahkan penyertaan mereka pada sidang kemuncak dua hari itu.

Para perwakilan daripada lebih 50 negara anggota G-77 dan 80 pertubuhan antarabangsa dijangka menghadiri sidang kemuncak berkenaan, demikian menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh penganjur hari ini.

Kenyataan itu berkata Setiausaha Agung PBB Kofi Annan juga dijadualkan hadir pada sidang kemuncak itu yang akan dipengerusikan oleh Presiden Nigeria Olusegun Obasanjo selaku pengerusi G-77 sekarang.

Kumpulan G-77 dibentuk pada tahun 1964 oleh 77 negara membangun dan sehingga kini 133 negara menganggotainya termasuk China.

-- BERNAMA

ES LAT